

03 SEP 1996

LARIAN USAHAWAN '96 UNTUK ERATKAN HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Usahawan bukan Bumiputera digesa menyertai Larian Usahawan '96 bagi mengeratkan hubungan dengan usahawan Melayu, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

"Larian ini bukan sahaja dapat beriadah sambil menjaga kesihatan tetapi juga mengeratkan hubungan untuk kepentingan perniagaan bersama," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran "Poster Gergasi Larian Usahawan '96" di sini hari ini.

Larian Usahawan '96 yang bertema "Usahawan Cergas Negara Makmur" anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (DPMM BKL) pada 6 Okt ini akan dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Setakat ini pihak penganjur menerima 2,550 penyertaan yang kebanyakannya terdiri dari usahawan Melayu," kata Mustapa yang berharap lebih ramai lagi penyertaan akan diterima sebelum tarikh tutup penyertaan pada 25 Sept.

Sebanyak 10 kategori dipertandingkan dalam larian itu, yang akan bermula di Dataran Merdeka dan tamat di Padang Merbok. -- BERNAMA

MS NAK